

## E-WASTE ALAM ALLIANCE MALAYSIA



### Pengenalan

E-waste Alam Alliance Malaysia telah dilancarkan pada 11 Disember 2013 oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Y.B Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit.

Antara objektif penubuhan adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan kaedah pengutipan, pengasingan dan pengangkutan buangan e-waste yang dihasilkan dari isi rumah secara efektif ;
- b. Membangunkan sistem pengutipan, pengasingan dan pengangkutan e-waste daripada isi rumah di seluruh Malaysia secara berpusat;
- c. Meningkatkan kesedaran orang awam akan tanggungjawab terhadap buangan e-waste dari isi rumah yang dimiliki;
- d. Meningkatkan kesedaran pengeluar/penjual/pengedar barangan elektrik dan elektronik mengenai kepentingan untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan buangan e-waste dari isi rumah;
- e. Menggalakan pengeluar/penjual/pengedar barangan elektrik dan elektronik supaya melaksanakan pengutipan buangan e-waste dari isi rumah secara sukarela dan tanpa mengenakan sebarang cas tambahan;
- f. Mewujudkan jaringan kerjasama bersama pihak yang berkepentingan dalam pengendalian e-waste dari isi rumah.

### **Penglibatan dalam E-waste Alam Alliance**

- a. Melibatkan 6 buah negeri iaitu Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya), Melaka dan Johor ;
- b. Pihak Berkuasa Tempatan di setiap negeri,;
- c. Pengeluar/Penjual(*retailer*)/Pengedar/pengimport barangan elektrik dan elektronik di setiap negeri ;
- d. Kemudahan Pemerolehan Kembali LuarTapak Penuh(*Full Recovery Facility*);
- e. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara(JPSPN)/ Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPA); dan
- f. Badan kebajikan bukan kerajaan(*NGO's*)/komuniti setempat/persatuan penduduk/Rakan Alam Sekitar (RAS)

### **Item buangan elektrik dan elektronik yang disasarkan**

- Television (CRT, Flat Screen);
- Washing machine;
- Refrigerator;
- Mobile phone;
- Personal Computer(Desktop/laptop); and
- Air Conditioner


### **Penglibatan Sukarela Senheng Electric Sdn Bhd dalam Program E-waste Alam Alliance**



Sebagai salah satu rangkaian kedai pengedar barangan elektrik dan elektronik yang terkemuka di negara ini, Senheng sedar akan tanggungjawab ke arah pengurusan buangan dari barangan elektrik dan elektronik serta telah mewujudkan kesedaran orang ramai melalui program- program tertentu melalui Tanggungjawab khidmat Sosial Korporat syarikat tersebut untuk melindungi bumi. Sebanyak 134 buah rangkaian kedai Senheng di seluruh Malaysia yang membolehkan pelanggan untuk menghantar buangan elektrik dan elektronik bagi diuruskan secara sempurna oleh kemudahan pemerolehan kembali yang berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar.

Sila Layari website <http://www.senheng.com.my/stores> untuk mengetahui lokasi outlet Senheng berdekatan anda.

## Collection Process Flow



Proses aliran pengutipan buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah oleh Shanpoornam Metal (SPM) Sdn Bhd(Kemudahan Pemerolehan Kembali penuh).

### **Syarikat Konsesi yang telah dilantik oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara(JPSPN)**

Syarikat-syarikat Konsesi yang dilantik iaitu Alam Flora Sdn.Bhd : (WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, & Pahang), SWM Environment Sdn. Bhd (Johor, Melaka & Negeri Sembilan) dan Environment Idaman Sdn Bhd (Perlis & Kedah) sedang mengedarkan tong-tong sisa pepejal mudah alih 120 Liter untuk premis kediaman (Landed Property) bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kutipan mereka. Hubungi talian bebas tol 1-800-88-7472 untuk pertanyaan..

Bersama kita menjadikan Malaysia lebih Bersih !

**Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Puan Nor Iwani di talian 0388712120.**